

12/09/2001

Ahli GKC terima anugerah

Mohd Azrone Sarabatin

SIRI rancangan televisyen kanak-kanak dan remaja popular, Golden Kids Club (GKC) terbitan Television Airtime Services Sdn Bhd (TAS) berjaya menampilkan bakat muda yang memiliki kreativiti dalam bidang penyiaran dan komunikasi.

Pada masa sama mereka juga memiliki bakat kesenian seperti berlakon, menyanyi dan menari.

Ahli GKC terdiri daripada pelajar yang berusia antara lapan hingga 17 tahun itu sudah menunjukkan kematangan dalam bidang berkenaan dengan keupayaan mewawancara pemimpin negara dan pertubuhan antarabangsa.

Antara pemimpin yang sudah mereka temu ramah ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan.

Ketika ini, GKC mempunyai 30 ahli yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja pelbagai kaum yang berbakat besar dalam bidang itu serta memiliki kecemerlangan akademik.

Baru-baru ini, di Subang Jaya, Selangor berlangsung majlis Skim Anugerah Ahli GKC yang disampaikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beberapa ahli GKC mendapat anugerah pingat perak dan gangsa dan tiada peserta yang layak memenangi anugerah pingat platinum dan pingat emas. Penerima pingat juga mendapat sijil dan cenderamata.

Tiga ahli kelab berkenaan layak menerima pingat perak ialah dua beradik yang juga anak kepada Presiden TAS, Sabri Ab Rahman, iaitu Khairul Azri dan Khairul Amanda manakala seorang lagi ialah Nadia Nasharuddin.

Pemilihan Azri menerima anugerah itu sememangnya sudah diduga berasaskan kejayaannya mewawancara Dr Mahathir dan Kofi Annan yang menyentuh peranan dan cabaran golongan kanak-kanak.

Kehebatan dan bakat Amanda pula terserlah menerusi keupayaannya menemubual Dr Mahathir dan Menteri Pendidikan Republik Ireland, Dr Michael Wood TD, hujung tahun lalu.

Sementara itu, bakat Nadia dalam bidang penyiaran dan komunikasi begitu ketara menerusi kepetahannya berkomunikasi dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Mandarin.

Antara pemimpin negara yang sudah ditemubualnya ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Enam ahli kelab yang layak menerima pingat gangsa ialah Syamalan Subramaniam, Andrea Chong Su Lynn, Nur Hazwin Mohd Hashim, Jeniffer Guan Huey Chen, Sarah Chen Tzee Einn dan Tan Yuei Mei.

Dalam majlis itu, ahli GKC turut menunjukkan kehebatan dengan mempersembah pentomin yang berkisar kepada kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini dan nyanyian lagu Keranamu Malaysia.

Tema pertunjukan menyentuh tentang kejayaan negara dan keteguhan keharmonian sehingga masyarakat yang berbeza bangsa dan agama dapat hidup dalam suasana harmoni dan saling bantu membantu.

(END)